

Lebih 100 sertai Program Outreach 'Scaling Up Education In Community'

NST 13/11/2011

MEMBAKUT: Lebih 100 masyarakat terdiri pelajar, ibubapa dan guru sekitar kampung Bambangan dan Sinoko, menyertai Program Outreach "Scaling Up Education In Community", anjuran Persatuan Warga Prihatin (CCA-SUEC) Sabah, baru-baru ini dekat sini.

Program yang bertemakan "Outreach Bambangan-Sinoko 2011" dilaksanakan oleh 30 ahli persatuan dengan kerjasama Biro Tatanegara, mensasarkan penyertaan pelajar sekolah, siswa dan sisiwi Universiti, guru serta masyarakat setempat.

Pengerusinya Dr Khalid Johari berkata, program kali ini merupakan yang kelima diadakan oleh persatuan sepanjang tahun ini, membabitkan lebih 1000 masyarakat di seluruh tempat yang dijadikan pusat aktiviti di negeri ini.

Katanya objektif utama program ini dilaksanakan ialah membantu masyarakat dalam meningkatkan motivasi dan juga keyakinan diri, khususnya kepentingan pendidikan dalam keluarga.

"Sasaran utama kita ialah golongan pelajar di kawasan pedalaman yang serba-serbi kekurangan sumber ilmu pengetahuan dari luar agar mempunyai motivasi diri begitu juga masyarakat setempat untuk turut sama mengutamakan pendidikan anak-anak, sebagai agen perubahan masa depan," katanya.

Ini katanya selaras dengan pelaksanaan program yang sebahagian besarnya dikelolakan oleh mahasiswa dan siswi termasuk para guru dari seluruh daerah yang menjadi ahli persatuan. Katanya berdasarkan latar belakang itu, persatuan yakin akan memberi impak yang berkesan dalam membimbing masyarakat mencintai bidang pendidikan, sebagai bekalan masa depan yang berharga.

Katanya kerjasama baik agensi kerajaan dan swasta dalam menjayakan program ke-



GAMBAR KENANGAN ... Sebahagian warga pendidik, mahasiswa dan siswi UMS yang turut serta.

masyarakat ini, menjadikan persatuan terus menabur bakti di seluruh pelusuk negeri ini, untuk menunaikan matlamat murni berbakti kepada masyarakat, seterusnya membantu kerajaan dalam menaiktaraf hidup melalui pembangunan pendidikan.

Sementara itu Pengarah Program Mohd Saperi Matnin berkata sambutan yang amat memberangsangkan daripada masyarakat, di semua lokasi program di negeri ini membantu menjayakan pelbagai pengisian program.

Katanya antara aktiviti yang menjadi rutin program ialah seminar keibubapaan, ceramah motivasi pelajar, rekreasi minda, pendidikan jasmani, kebudayaan dan bakat serta gotong-royong perdana bersama masyarakat.

Program kali ini menyaksikan penyertaan ramai ibubapa, pelajar dan guru dari sekolah Kebangsaan (SK) Bambangan dan SK Sinoko.

"Kerjasama baik masyarakat setempat, guru yang sanggup berkampung di kawasan sekolah untuk sama-sama menjayakan pelaksanaan program amat dihargai oleh pihak pengajur," katanya.

Selain aktiviti membabitkan pelajar, masyarakat juga berpeluang menyertai ceramah "Pendidikan Keluarga" oleh pensyarah sekolah pendidikan UMS, Dr Khalid Johari juga selaku pengurus SUEC. Ceramah 1Malaysia bertemakan "Negara Maju" disampaikan oleh Kasbullah Mangun, mewakili BTN.

Katanya sepanjang tiga hari program, pelbagai aktiviti mengeratkan perpaduan ialah dengan mengadakan senaman pagi 1Malaysia, bersama masyarakat dan pengelola.

Pada masa sama selain aktiviti berupa pendidikan, diadakan rekreasi sukaneka

1Malaysia, bertujuan merapatkan hubungan keluargaan setempat dan pengajur.

Dalam pada itu, rata-rata peserta khususnya pelajar berpendapat program berkenaan membantu meyakinkan setiap peserta akan kepentingan menguasai pendidikan hingga diperingkat tinggi.

Peserta Karmilah Liashin 27, berpendapat program adalah tanggungjawab sosial yang patut dipikul oleh semua pihak dalam usaha untuk membantu masyarakat di kawasan pedalaman.

"Program seperti ini adalah salah satu platform yang mudah untuk mendekati masyarakat luar dan secara tidak langsung mampu menerapkan modal insan didalam diri semua mahasiswa/i yang terlibat," katanya.

Penduduk Mohammad Ancaloj 50, yakin program seumpama itu amat penting bagi memberi gambaran kepada masyarakat perih pentingnya pendidikan, sebagai bekalan perubahan keluarga akan datang.

"Kita dapat berkongsi pengalaman, para peserta dan pengajur yang terdiri daripada pelajar pengajian tinggi dan juga penceramah yang berwibawa, dan berharap akan diteruskan pada masa akan datang," katanya.

Majlis penutupan bagi praogram itu telah disempurnakan oleh Kasbullah Mangun yang mewakili BTN, yang juga merupakan timbalan pengurus Persatuan Warga Prihatin Kota Kinabalu (CCA-SUEC).

Kasbullah dalam ucapannya berharap lebih ramai lagi masyarakat akan mendapat manfaat daripada program SUEC yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

"Penglibatan aktif ahli dan masyarakat dalam semua program yang dianjurkan sebelum ini, menjadi penanda aras akan kejayaan persatuan dalam misi menabur bakti pendidikan di luar Bandar," katanya.